

SIARAN MEDIA

Embargo sehingga 12pm, 12 February 2026

YAYASAN SIME DARBY MENYUMBANG RM1 JUTA UNTUK MENYOKONG USAHA BANTUAN BANJIR BERKAITAN SIKLON DI SUMATRA

Sumbangan disalurkan melalui MERCY Malaysia bagi menyediakan penempatan sementara, sokongan air bersih dan kit keperluan asas untuk keluarga terjejas

Petaling Jaya, 12 Februari 2026 – Yayasan Sime Darby (YSD) telah memperuntukkan RM1 juta dalam bentuk bantuan kemanusiaan bagi menyokong komuniti yang terjejas akibat banjir berkaitan siklon di Sumatra Utara, Indonesia. Sumbangan ini direalisasikan melalui sokongan berterusan syarikat-syarikat penderma YSD iaitu Sime Darby Berhad, SD Guthrie Berhad dan Sime Darby Property Berhad, dan akan disalurkan melalui MERCY Malaysia untuk menyampaikan bantuan yang disasarkan kepada komuniti yang terjejas.

Y.A.M. Tunku Tan Sri Imran Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar, Pengerusi Yayasan Sime Darby, menandakan komitmen ini dengan menyerahkan cek kepada Dato' Dr Ahmad Faizal Mohd Perdaus, Presiden MERCY Malaysia hari ini. Turut hadir ialah Datuk Mohamad Helmy Othman Basha, Penasihat kepada Lembaga Pengarah Guthrie dan bekas Ahli Majlis Tadbir Urus YSD; Ms Caroline Russell, Ahli Majlis Tadbir Urus YSD; dan Dr Hj Yatela Zainal Abidin, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Sime Darby.

Siklon yang jarang berlaku ini telah mencetuskan banjir besar dan tanah runtuh, dengan kesan yang dilaporkan merentasi 51 daerah dan bandar. Sehingga Disember 2025, pihak berkuasa Indonesia melaporkan 1,106 kematian, 217 orang hilang, dan lebih 1.05 juta individu terpaksa berpindah.

Melalui sumbangan RM1 juta ini, YSD dan MERCY Malaysia akan menyokong bantuan pascabencana selama enam bulan dari Januari hingga Jun 2026. Bantuan ini merangkumi pembinaan penempatan sementara, pemasangan sistem sokongan air bersih dan tandas komuniti di Aceh Tamiang. Kit kebersihan dan kit keperluan asas bukan makanan juga akan diagihkan kepada keluarga yang terjejas di Aceh Tamiang, Langkat dan Padang Pariaman. Inisiatif ini turut merangkumi penugasan pasukan penilaian pantas MERCY Malaysia untuk menyokong penyampaian bantuan di lapangan.

Encik Mohd Haris Mohd Arshad, Pengarah Urusan Kumpulan Guthrie berkata, "Guthrie berharap sumbangan kepada MERCY Malaysia ini dapat membantu mempercepatkan penyampaian bantuan di lapangan di Sumatra Utara, khususnya bagi menyediakan tempat perlindungan yang selamat dan keperluan asas isi rumah. Kepakaran MERCY Malaysia dalam kerja bantuan bencana amat kami hargai, dan kami berterima kasih atas sokongan mereka."

SIARAN MEDIA

Embargo sehingga 12pm, 12 February 2026

Dato' Dr Ahmad Faizal Mohd Perdaus berkata, "Sumbangan ini mengukuhkan keupayaan kami untuk bertindak dalam persekitaran operasi yang mencabar, serta menyampaikan sokongan tempat perlindungan yang penting, akses air bersih dan bekalan asas isi rumah kepada komuniti yang paling terjejas."

Sumbangan hari ini adalah lanjutan kepada kerjasama jangka panjang YSD bersama MERCY Malaysia yang telah menjangkau lebih sedekad, dengan jumlah komitmen RM12.2 juta sejak 2014. Kerjasama ini telah menyokong respons kemanusiaan antarabangsa termasuk gempa bumi Nepal pada 2015, bencana Lombok dan Palu pada 2018, bantuan COVID-19 kepada India pada 2021, serta usaha pemulihan gempa bumi di Türkiye pada 2023. Di peringkat domestik, kedua-dua organisasi turut bekerjasama dalam bantuan kecemasan dan sokongan penempatan sementara untuk komuniti terjejas bencana di Malaysia, termasuk banjir Kelantan 2014, gempa bumi Sabah 2015, serta pelbagai respons banjir dan bencana lain sepanjang tahun-tahun berikutnya.

TAMAT

Mengenai

MERCY

Malaysia

MERCY Malaysia ialah sebuah organisasi bukan berasaskan keuntungan antarabangsa yang memberi tumpuan kepada penyediaan bantuan kecemasan, pembangunan kesihatan yang mampan serta aktiviti pembinaan komuniti berdaya tahan untuk komuniti rentan, dalam situasi krisis dan bukan krisis.

Mengenai Yayasan Sime Darby (YSD)

Yayasan Sime Darby merupakan badan kebajikan SD Guthrie Berhad, Sime Darby Berhad, dan Sime Darby Property Berhad. Ditubuhkan pada tahun 1982, yayasan ini berkisarkan lima teras iaitu Pendidikan, Alam Sekitar, Komuniti & Kesihatan, Sukan, dan Seni & Budaya. Dipimpin oleh Majlis Tadbir Bebas, yayasan ini diuruskan oleh pasukan berdedikasi yang bekerja rapat dengan ketiga-tiga syarikat penderma YSD dalam bidang kepentingan bersama. Sejak penubuhannya, yayasan ini telah mengembangkan sayapnya daripada menawarkan biasiswa kepada individu yang cemerlang dan layak, kepada membiayai program pemuliharaan, khidmat masyarakat, dan pembangunan yang berkesan. Untuk maklumat lanjut, layari www.yayasansimedarby.com

Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

Khadeejah Shafie, khadeejah.shafie@mercy.org.my, +60 19 559 7673

Lea Ellisyhia, lea.ellisyhia@sime.com, +60173440202